

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN.

BAB KELIMA

RUMUSAN DAN CADANGAN

5.0. Pengenalan

Dalam bab ini penulis akan membincangkan dua perkara asas dalam dapatan analisis di bab 4 yang lalu. Perbincangan dibahagikan kepada dua perkara pokok iaitu:

- a) Rumusan dapatan daripada analisis data.
- b) Cadangan untuk meningkatkan penguasaan isim Ma'rifat di kalangan pelajar.

5.1. Rumusan Dapatan Daripada Analisis Data.

Perbincangan dalam bahagian ini berdasarkan dua aspek, yang pertama memperlihatkan hubungan latar belakang pelajar dengan penguasaan isim Ma'rifat dan yang kedua penulis membincangkan kajian secara khusus tentang kebolehan pelajar menjawab soalan yang berkaitan dengan isim Ma'rifat.

Berdasarkan data yang terkumpul dalam aspek pertama, jelas memperlihatkan bahawa faktor masa memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penguasaan isim Ma'rifat. Kebanyakan pelajar menghabiskan masa antara 4 hingga 5 tahun untuk belajar bahasa Arab. Tempoh yang singkat ini tidak

mencukupi bagi pelajar untuk menguasai bahasa Arab dengan lebih berkesan, ini ditambah lagi dengan latar belakang pelajar, dimana 100% daripada mereka adalah dari golongan desa dan berlatar belakang keluarga yang mempunyai pendidikan rendah.

Latar belakang keluarga amat mempengaruhi keupayaan pelajar untuk menguasai isim Ma'rifat dalam bahasa Arab. Melalui tinjauan penulis berdasarkan data-data yang dikumpul hampir 100% ibu bapa mengharapkan anak-anak mereka fasih berbahasa Arab. Alasan yang diberikan, dengan memahami bahasa Arab pelajar akan dapat mendalamai agama dan seterusnya boleh menyumbang kepada pengetahuan ilmu akhirat. Oleh itu dalam bahagian ini faktor latar belakang keluarga dan pelajar itu sendiri akan mempengaruhi kebolehan pelajar menguasai bahasa Arab.

Dalam aspek kedua penulis telah membuat analisis data yang dikumpul, dari analisis tersebut penulis dapat merumuskan bahawa hanya 50% atau 20 orang sahaja daripada mereka yang mengenali dan dapat menggunakan isim Ma'rifat dengan baik di dalam penulisan mereka, manakala selebihnya terdiri daripada pelajar-pelajar yang sederhana dan lemah. Ini dapat mengambarkan bahawa pengajaran bahasa Arab

di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama tidak menepati sasaran sebagaimana yang diharapkan.

5.1.1. Analisis Kebolehan Pelajar Menguasai Bahasa Arab.

Terdapat empat tahap kemahiran yang telah di uji dan keputusan memperlihatkan pelajar masih lagi lemah dalam menguasai bahasa Arab. Tahap penguasaan paling tinggi yang pelajar dapat kuasai ialah kebolehan menulis dalam bahasa Arab, ini diikuti oleh kebolehan bertutur dan tatabahasa Arab. Bahagian yang paling sukar pelajar kuasai ialah bahagian nahu/şarf. Untuk memastikan penguasaan secara lebih terperinci lagi, penulis memperlihatkan pula kebolehan pelajar menguasai tatabahasa Arab kerana di dalam tatabahasa inilah terdapat isim, fi'il dan huruf. Keputusan daripada soalselidik menunjukkan bahawa hampir keseluruhan pelajar berkebolehan membezakan tatabahasa Arab. Keputusan ini menunjukkan bahawa pelajar boleh menguasai bahasa Arab secara umum.

Penulisan bahasa Arab juga boleh menentukan keupayaan pelajar menguasai isim Ma'rifat. Penulis telah membuat 10 soalan dalam bahasa Melayu dan mengkehendaki pelajar terjemahkan ke dalam bahasa Arab. Keputusan daripada jawapan pelajar menunjukkan

hampir 50% pelajar dapat menjawab dengan betul. Pelajar-pelajar gagal menterjemahkan ayat-ayat berikut, terutamanya dari sudut memasukkan isim Ma'rifat seperti seperti berikut:

a) Sekolah saya cantik

مُدرِّسَةٌ جَمِيلَةٌ

Sepatutnya:

مُدرِّسَةٌ جَمِيلَةٌ

b. Sekolah kami baru

مَدْرَسَةٌ جَدِيدَةٌ

Sepatutnya:

مَدْرَسَتَا جَدِيدَةٌ

c) Ini rumah Yusof

هَذَا الْبَيْتُ يُوسُفُ

Sepatutnya:

هَذَا بَيْتُ يُوسُفٍ

d) Taman rumah saya cantik

حَدِيقَةُ الْبَيْتِ جَمِيلَةٌ

Sepatunya:

حَدِيقَةُ بَيْتِ حَمِيلَةِ

Dalam soalan mengisi tempat kosong pula, penulis telah mengemukakan 10 soalan kepada pelajar. Keputusan yang diperolehi menunjukkan pelajar boleh menjawab soalan ini dengan baik kecuali beberapa soalan yang gagal di jawab oleh pelajar dengan baik. Soalan Pembentukkan Ayat pula, penulis telah mengemukakan 10 soalan juga untuk menguji kebolehan pelajar menjawab. Keputusan analisis data menunjukkan pelajar dapat menjawab dengan baik kecuali satu soalan sahaja. Kebanyakkan pelajar menjawab dengan kaedah yang salah iaitu seramai 29 orang (72.5%) berbanding seramai 11 orang (27.3%) pelajar menjawab dengan betul. Berdasarkan keputusan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar boleh menguasai isim Ma'rifat.

Untuk memastikan lagi keupayaan pelajar, penulis telah mengemukakan soalan yang memerlukan pelajar membuat penyesuaian penggunaan isim Ma'rifat. Sebanyak tujuh soalan dikemukakan. Dapatan daripada analisis memperlihatkan bahawa 64.3% pelajar boleh menjawabnya berbanding dengan 35.7% tidak dapat menjawabnya. Melalui 3 bentuk soalan yang dikemukakan

keputusan menunjukkan lebih 50% pelajar boleh menjawab dengan baik. Ini memberi pertunjuk kepada penulis bahawa pelajar boleh menguasai isim Ma'rifat sekiranya bimbingan yang baik dan berdisiplin ditekankan oleh guru-guru mereka.

5.2 Cadangan-Cadangan Untuk Meningkatkan Penguasaan Isim Ma'rifat Di Kalangan Pelajar

Melalui perbincangan di atas jelas menunjukkan bahawa pelajar boleh menjawab dan menguasai isim Ma'rifat, walau bagaimanapun kebolehan pelajar itu adalah sekitar 50 % lebih sahaja. Bagi mencapai keputusan 100% ini penulis akan mengutarakan beberapa cadangan yang difikirkan perlu untuk meningkatkan penguasaan pelajar terhadap isim ma'rifat. Cadangan yang penulis kemukakan ini sebenarnya bertujuan untuk mengatasi kesilapan dan permasalahan pelajar dan guru yang diperolehi semasa menganalisis keputusan soalselidik.

5.2.1. Tahun Pengajian Dilanjutkan

Sebagaimana yang terdapat di dalam data-data pelajar hanya diperuntukkan masa 4 hingga 5 tahun sahaja untuk belajar bahasa Arab. Tempoh yang selama

itu tidak mencukupi bagi mereka mempelajari bahasa Arab, ditambah pula dengan latar belakang pelajar yang rata-rata berbangsa Melayu serta berpendidikan Melayu dan bahasa Arab hanya merupakan bahasa ke dua. Sepatutnya pihak berwajib memanjangkan lagi tempoh pengajian bahasa Arab supaya pelajar dapat mempelajari bahasa Arab dengan lebih berkesan dan seterusnya dapat menguasai bahasa Arab. Ini kerana di dalam bahasa Arab terdapat banyak permasalahan yang mengelirukan.

5.2.2 Pertingkatkan Motivasi Pelajar

Melalui soalselidik rata-rata pelajar memberi alasan berminat untuk mempelajari bahasa Arab. Memandangkan minat telah ada dalam diri mereka, maka pihak sekolah hendaklah meningkatkan motivasi kepada mereka dengan mengadakan pelbagai ceramah dan kursus.

Dalam program ini pihak sekolah hendaklah menjemput penceramah-penceramah yang berwibawa untuk memberi motivasi kepada pelajar. Melalui motivasi tersebut diharap pelajar akan terus berminat mempelajari bahasa Arab khususnya isim Ma'rifat.

5.2.3 Keupayaan Guru

Guru amat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi pengajaran dan kebolehan pelajar menguasai isim Ma'rifat. Kebanyakkan guru yang mengajar mempunyai opsyen pendidikan Agama Islam sahaja bukannya opsyen bahasa Arab.

Keadaan ini akan menyebabkan kesukaran kepada guru untuk menyampaikan pengajaran yang berkesan. Guru terpaksa terlebih dahulu menguasai bahasa Arab sebelum memberi pengajaran kepada pelajar. Hal ini diakui sendiri oleh guru yang ditugaskan mengajar bahsa Arab.

Pihak pentadbir sekolah sepatutnya memahami keadaan ini dan seterusnya berusaha untuk mendapatkan guru-guru yang lebih berwibawa dan mahir dalam nahu bahasa Arab. Pengalaman guru juga penting dalam mempengaruhi pengajaran, kerana guru yang kurang berpengalaman amat tidak berkesan dalam mengajar pelajaran yang bukan opsyennya.

5.2.4 Perbandingan Isim Nakirat Dan Isim Ma'rifat

Berdasarkan kepada analisis data, jelas menunjukkan rata-rata pelajar menyatakan kurang berupaya membezakan antara isim Nakirat dan Ma'rifat.

Menyedari keadaan ini, penulis mencadangkan agar pengenalan bahasa Arab yang berkaitan dengan "Isim" perlu diberi penekanan. Guru hendaklah membuat peta minda berserta dengan contoh-contohnya, supaya pelajar mudah menghafal dan mengingati jenis-jenis isim terutama isim Nakirat dan isim Ma'rifat. Di masa yang sama, para guru juga dapat memberi butir-butir lengkap serta contoh-contoh yang berkaitan dengan hukum-hukum isim Ma'rifat.

5.2.5. Latihan Tubi

Mengikut keputusan secara umum berdasarkan data-data pelajar semasa menjawab soalan yang diberi, penulis dapat menyimpulkan bahawa pelajar pada umumnya boleh menguasai nahu bahasa Arab. Penguasaan pelajar banyak bergantung kepada keupayaan guru untuk memberi latih tubi. Yang sebagaimana diakui bahawa latih tubi

amat penting dan berkesan kepada pelajar dalam

menguasai sesuatu ilmu, kerana dengan latih tubi ini pelajar-pelajar mudah untuk mengingati dan seterusnya menguasai bahasa Arab. Penyediaan soalan pula hendaklah dilakukan melalui tiga aspek, iaitu latihan terjemahan, mengisi tempat kosong dan pembentukkan ayat.

5.2.6. Latihan Terjemahan.

Memandangkan bahasa Arab merupakan bahasa kedua bagi semua pelajar, maka latihan perlu diperbanyakkan kerana dengan adanya latihan ini pelajar akan mendapat dua keistimewaan, iaitu kebolehan memahami bahasa Arab dan berupaya membetulkan kesilapan yang dilakukan dengan mendapat bimbingan daripada guru.

Melalui data yang terkumpul terutama dalam bahagian terjemahan ayat bahasa Melayu ke dalam bahasa Arab dan ayat sebaliknya, hampir keseluruhan pelajar dapat menjawabnya dengan betul. Diharapkan dengan adanya usaha-usaha guru memberi lebih banyak latihan terjemahan disamping memberi pembetulan terhadap kesilapan pelajar akan membolehkan pelajar menguasai bahasa Arab dan yang penting sekali dapat menguasai penggunaan isim Ma'rifat dengan lebih baik.

5.2.7. Permainan Bahasa.

Isim dalam bahasa Arab mempunyai banyak cabang, maka adalah lebih menarik sekiranya pelajar didedahkan dengan permainan bahasa. Guru-guru boleh menyediakan BBM (Bahan Bantu Mengajar) seperti silang kata, mengisi tempat kosong dan lain-lain lagi aktiviti yang difikirkan sesuai dan berjaya membawaikan hasil agar pelajar dapat menguasai bahasa Arab dan pembahagian isim-isimnya dengan lebih berkesan.

5.2.8. Mengadakan Lawatan Sambil Belajar.

Guru hendaklah merancang, seboleh-bolehnya kerap mengadakan lawatan sambil belajar terutama ke pusat-pusat bahasa Arab, kedutaan-kedutaan negara Arab, pondok-pondok pengajian bahasa Arab dan sebagainya. Selain daripada menarik minat pelajar serta dapat menghilangkan rasa bosan ketika belajar. pelajar juga dapat memperkayakan perbendaharaan kata mereka semasa mendengar taklimat dan bertutur dengan pegawai yang bertugas. Melalui lawatan sambil belajar juga, pelajar akan didedahkan dengan pelbagai bentuk bahan rujukan yang berguna untuk pengajian mereka. Pendedahaan kepada tempat-tempat untuk melanjutkan

pelajaran yang biasanya didedahkan semasa lawatan boleh menarik minat mereka untuk belajar lebih bersungguh-sungguh dan serius.

5.2.9. Menambah Bilangan Tenaga Pengajar.

Melalui perenakan penulis, didapati bahawa bilangan guru yang mengajar bahasa Arab amat berkurangan iaitu hanya 5 orang tenaga pengajar untuk pelajar yang hampir mencapai 700 orang. Kekurangan tenaga pengajar ini akan memberi kesan kepada keupayaan mereka untuk mengajar terutama dalam menyelesaikan permasalahan pelajar secara individu. Pihak sekolah sepatutnya membuat permohonan kepada pihak yang berkenaan untuk menambah bilangan guru. Bagi guru-guru dan bakal-bakal guru bahasa Arab pula mereka patut diberi pendedahan yang sebaik mungkin mengenai cara atau kaedah pengajaran yang berkesan. Diharap dengan cara ini masalah kekurangan guru akan dapat diatasi dan seterusnya dapat memaksimumkan pengajaran bahasa Arab.

5.2.10. Cadangan Kepada Pengkaji Akan Datang.

Kajian ini memberi bukti bahawa untuk menguasai bahasa Arab terutama penguasaan isim

ma'rifat memerlukan banyak program yang perlu diperketatkan atau diseleraskan oleh tenaga pengajar dan pihak pentadbir. Harap penulis agar kajian ini akan dapat memberi panduan kepada penulis yang akan datang yang berminat untuk melihat keupayaan pelajar dalam menguasai bahasa al-Quran dan bahasa kedua mereka.

5.3. Penutup.

Bagi mengakhiri kajian ini sekali lagi penulis menjelaskan bahawa sebenarnya pelajar-pelajar Melayu boleh menguasai isim Ma'rifat. Ini dibuktikan dengan keupayaan mereka dapat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan, walaupun tidak mencecah 100%. Faktor masa amat memainkan peranan penting dalam mempengaruhi penguasaan isim kerana lebih lama pelajar mempelajarinya, maka lebih mudah untuk mereka menguasainya. Bagi mengatasi masalah yang dihadapi dalam menguasai isim Ma'rifat, seboleh-bolehnya penulis mencadangkan agar pembaca memberi rujukan kepada apa yang disarankan oleh penulis.